



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

JAWATAN	: Pegawai Undang-Undang
GRED JAWATAN/GAJI	: Gred L41
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Perundangan dan Kehakiman
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pengurusan dan Profesional
TARAF JAWATAN	: Kontrak
BILANGAN KEKOSONGAN	: Satu

JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,418.00	RM9,607.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- Warganegara Malaysia
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau

Sijil Amalan Guaman

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau

Barrister-at-law-England

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau

Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00)

SYARAT BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

- a. Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek nasihat perundangan, guaman dan hal ehwal korporat dan komersil syarikat yang merangkumi perkara-perkara berikut:
 - i. menyediakan dan/atau memberikan ulasan, pandangan dan nasihat perundangan kepada syarikat secara bertulis atau lisan mengenai perkara-perkara yang berkaitan undang-undang;
 - ii. menyemak, memberi ulasan dan membantu meluluskan dokumen perundangan seperti perjanjian, nota pihak ketiga, surat atau memorandum persefahaman;
 - iii. menggubal dokumen perundangan seperti perjanjian, nota pihak ketiga dan surat/ memorandum persefahaman;
 - iv. membantu persediaan untuk rundingan mengenai perjanjian dan surat/ memorandum persefahaman di dalam dan di luar negeri;
 - v. menghadiri mesyuarat pelbagai serta rundingan mengenai perjanjian dan surat atau memorandum persefahaman di dalam dan di luar negeri;
 - vi. membantu menjalankan penyelidikan mengenai isu-isu undang-undang dan menyediakan pandangan atas permintaan syarikat dan arahan pegawai atasan;
 - vii. meneliti dan mengendalikan kes-kes pelaksanaan dan penguatkuasaan penghakiman dan perintas kos oleh dan terhadap syarikat; dan
 - viii. meneliti dan mengendalikan kes-kes tuntutan sivil yang difailkan oleh dan terhadap syarikat serta pengendalian kes-kes timbang tara.

CARA MEMOHON DAN TARIKH TUTUP IKLAN :

- i. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan jawatan disediakan yang boleh dimuat turun secara atas talian di www.jbiotech.gov.my.
- ii. Permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, sijil/dokumen yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain yang disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah **sebelum atau pada 11 April 2023 jam 4.30 petang (Tempoh Lanjutan)**

**Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor
No 44 Jalan Iskandar Putri 1/2
Taman Nusantara Prima
81550 Gelang Patah
Iskandar Puteri
Johor**

- iii. Nama jawatan yang dipohon dan tarikh tutup iklan hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.

CATATAN :

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk temuduga;
- ii. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh 30 hari dari tarikh iklan ditutup;
- iii. Permohonan yang tidak menggunakan borang permohonan jawatan yang disediakan, tidak disertakan dokumen yang diperlukan, tidak lengkap atau tidak terang/tidak jelas dan tidak mematuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan akan ditolak.
- iv. Permohonan yang lewat atau diterima selepas tarikh tutup iklan juga akan ditolak.
- v. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ini adalah ditanggung sendiri oleh pemohon;

Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor
30 Mac 2023